

**STRUKTUR AYAT BAHASA INGGERIS  
DAN STRUKTUR AYAT BAHASA MALAYSIA:  
SATU KAJIAN PERBANDINGAN DAN  
IMPLIKASINYA DALAM PENTERJEMAHAN**

oleh

**EVELYN LIM LAY LIN**

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi  
keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera

Januari 1997

MM 11.13  
4621

## PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak yang berikut.

Kepada Profesor Mashudi Kader, kerana bimbingan, tunjuk ajar dan galakan beliau sehingga terhasilnya tesis ini.

Kepada ibu bapa saya Lim Chay Kar dan Choy Yoke Khuan kerana pengorbanan dan kesabaran mereka semasa saya menulis tesis ini.

Kepada suami saya, Danny Leen Tean Yee, yang banyak memberikan dorongan moral kepada saya.

Terima kasih yang sama juga ingin saya berikan kepada Puan Che Zaharah Idris yang berusaha bersungguh-sungguh menaip tesis ini berkali-kali.

Rakaman terima kasih juga saya ingin sampaikan kepada rakan-rakan sejawatan saya di Pusat Bahasa dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia yang telah memberikan bantuan kepada saya sehingga tesis ini siap.

## KANDUNGAN

Tajuk	
Penghargaan	ii
Kandungan	iii
Singkatan dan Lambang	viii
Glosari	x
Abstrak	xii
Abstract	xv

### BAB 1 PENDAHULUAN

1.0	Latar Belakang	1
1.1	Tujuan Kajian	2
1.2	Bidang Kajian	3
1.3	Batasan Kajian	8
1.4	Kerangka Analisis	10
1.5	Kaedah Kajian	14

### BAB 2

2.0	Pengenalan	18
2.1	Definisi 'Penterjemahan'	18
2.2	Jenis-jenis terjemahan	24
2.3	Proses Penterjemahan	27
2.4	Kepadanan Dalam Terjemahan	28
2.5	Ciri-ciri Teks Linguistik	33

2.6	Struktur Ayat Dalam Penterjemahan	36
2.7	Kerangka Tesis	38
	Nota	49

### **BAB 3 AYAT KEHADIRAN DAN AYAT BEREKSPLITIF 'IT'**

3.0	Pengenalan	51
3.1	Takrifan Ayat Kehadiran	51
3.2	Definisi Ayat Bereksplitif 'It'	53
3.3	Struktur ayat Kehadiran dan Ayat Bereksplitif 'It' Dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia	55
3.4	Implikasi Bagi Penterjemahan	72

### **BAB 4 PERBANDINGAN STRUKTUR AYAT PASIF**

4.0	Pengenalan	74
4.1	Struktur Pasif Dalam Bahasa Inggeris	75
4.2	Struktur Pasif Dalam Bahasa Malaysia	77
4.2.1	Ayat Pasif Biasa dengan 'Oleh'	78
4.2.2	Ayat Pasif Tak Persona	79
4.2.3	Ayat Pasif Situasi	81
4.2.4	Ayat Pasif Berklitik	84
4.3	Perbandingan Struktur Pasif	86
4.3.1	Perbandingan Struktur Pasif Diri Pertama Bentuk Tunggal	87
4.3.2	Perbandingan Struktur Pasif Diri Pertama Bentuk Jamak	89
4.3.3	Perbandingan Struktur Pasif Diri Kedua Bentuk Tunggal	91

4.3.4	Perbandingan Struktur Pasif Kedua Bentuk Jamak	93
4.3.5	Perbandingan Struktur Pasif Diri Ketiga Bentuk Tunggal	94
4.3.6	Perbandingan Struktur Pasif Diri Ketiga Bentuk Jamak	98
4.3.7	Perbandingan Struktur Pasif Tak Persona	100
4.4	Implikasi bagi Penterjemahan	103

## **BAB 5 PERBANDINGAN STRUKTUR AYAT MENGANDUNGI KATA HUBUNG**

5.0	Pengenalan	106
5.1	Struktur Ayat Yang Mengandungi Kata Hubung di Dalam Bahasa Inggeris	107
5.2	Struktur Ayat Yang Mengandungi Kata Hubung Dalam Bahasa Malaysia	117
5.3	Perbandingan Struktur Ayat Yang Mengandungi Kata Hubung	128
5.3.1	Perbandingan Struktur Ayat Yang Mengandungi Kata Hubung Jenis Kumulatif	129
5.3.2	Perbandingan Struktur Ayat Yang Mengandungi Kata Hubung Jenis Adversatif	137
5.3.3	Perbandingan Struktur Ayat Yang Mengandungi Kata Hubung Jenis Tokokan	160
5.3.4	Perbandingan Struktur Ayat Yang Mengandungi Kata Hubung Jenis Syarat	168
5.4	Implikasi Ayat Yang Mengandungi Kata Hubung Dalam Penterjemahan	182
5.4.1	Perbandingan Struktur Ayat Kumulatif	182
5.4.2	Perbandingan Struktur Ayat Adversatif	182
5.4.3	Perbandingan Struktur Ayat Tokokan	183

5.4.4	Perbandingan Struktur Ayat Syarat	183
5.5	Kesimpulan	184
 <b>BAB 6 AYAT NAFI</b>		
6.0	Pengenalan	185
6.1	Ayat Nafi dan Strukturnya	186
6.1.1.	Ayat Nafi Bahasa Inggeris dan Strukturnya	186
6.1.2	Ayat Nafi Bahasa Malaysia dan Strukturnya	204
6.2	Perbandingan Ayat Nafi	214
6.2.1	Penafian Frasa Nama	214
6.2.2	Penafian Kuantifier	225
6.2.3	Penafian Frasa Kerja	228
6.2.4	Penafian Frasa Adjektif	237
6.2.5	Penafian Frasa Kata Depan	247
6.2.6	Penafian Frasa Adverb	251
6.2.7	Penafian Komplemen	254
6.3	Perbandingan Struktur Ayat Dwinafi dan Ayat Trinafi	257
6.3.1	Perbandingan Struktur Ayat Dwinafi	259
6.3.2	Perbandingan Struktur Ayat Trinafi	269
6.4	Implikasi Ayat Nafi Dalam Penterjemahan	275
6.4.1	Struktur Ayat Nafi	275
6.4.2	Struktur Ayat Dwinafi	276
6.4.3	Struktur Ayat Trinafi	276
6.5	Kesimpulan	277

## **AB 7 PENUTUP**

0	Pengenalan	278
1	Perbandingan Struktur Ayat Kehadiran Dan Ayat Bereksplitif 'It'	279
2	Perbandingan Struktur Ayat Pasif	280
3	Perbandingan Struktur Ayat Mengandung Kata Hubung	282
4	Perbandingan Struktur Ayat Nafi	284
5	Kesimpulan	286
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	288
	<b>LAMPIRAN</b>	295

## SINGKATAN DAN LAMBANG

Singkatan dan lambang yang digunakan di dalam kajian ini diberi pengertian seperti yang berikut:

A	-	Adjektif
A' (A")	-	Frasa Adjektif
Adv	-	Adverba atau Adjung
Adv'	-	Frasa Adverba
Adjung	-	Adjung
C	-	Komplementizer
CP'	-	Frasa Komplementizer
I	-	Infleksi
I'	-	Frasa Infleksi
I"	-	Ayat
K	-	Kata Kerja
K'	-	Frasa Kata Kerja
K"	-	Frasa Predikat
Kuan	-	Kuantifier
KD	-	Kata Depan
KD'	-	Frasa Kata Depan
Konj	-	Kata Hubung
Mod	-	Modal



N	-	Nama
N'	-	Frasa Nama
Nafi	-	Kata Nafi
Part	-	Partikel
Pen	-	Penunjuk
pro	-	pronomina (kategori kosong bagi 'missing subject')
PRO	-	kategori kosong bagi frasa nama subjek ayat pancangan yang berkoreferensi dengan frasa nama subjek ayat utama.
Spec	-	spesifier

## GLOSARI

### Bahasa Malaysia

adjung

braket berlabel

infleksi

kategori kosong

komplementizer

kuantifier

kuasaan dan tambatan

modal

nafi

partikel

penunjuk

pro

PRO

rajah pohon

salah terjemah

spesifier

struktur dalaman

struktur perantaraan

### Bahasa Inggeris

adjunct

label bracketting

inflection

empty category

complementizer

quantifier

government and binding

modal

negation

particle

determiner

pronominal

empty category

tree diagram

wrong translation

specifier

deep structure

surface structure

ksa

ori standard

ori standard tambahan

erjemahan kurang

erjemahan melampau

ambiguous

standard theory

revised standard theory

under translation

over translation

## ABSTRAK

Tesis ini ialah suatu analisis kepadanan empat jenis struktur bahasa Inggeris ke dalam bahasa Malaysia dan implikasinya terhadap penterjemahan. Struktur-struktur tersebut ialah:

- (1) Struktur ayat kehadiran (existential sentences) dan ayat bereksplitif 'it'
- (2) Struktur ayat pasif
- (3) Struktur ayat yang mengandungi kata hubung
- (4) Struktur ayat nafi

Tujuan tesis ini ialah mengenalpasti semua perubahan pada jenis struktur-struktur tersebut selepas mengalami proses terjemahan. Data yang dianalisis terbatas pada data daripada tiga buku bahasa Inggeris dan versi terjemahan buku-buku tersebut. Pada tempat-tempat yang tiada kedapatan data yang sesuai, data tambahan daripada pengalaman penyelidik digunakan. Tiga teks bahasa Inggeris yang digunakan bertajuk seperti berikut:

- (5) Dialectology (Chambers dan Trudgill, 1980)
- (6) Psycholinguistics (Steinberg, 1982)
- (7) Semantics (Palmer, 1989)

Padanan ayat yang dibandingkan hanya tertumpu pada struktur luar sahaja dan tidak mengambil kira padanan pada struktur dalam. Setiap jenis ayat diberikan ayat sebenar serta rajah pohon bahasa Inggerisnya bagi struktur

permukaan dan juga pasangan struktur permukaan bahasa bagi versi bahasa Malaysiannya untuk melihat perubahan struktur sebelum dan selepas terjemahan.

Kerangka teoritis yang digunakan ialah komponen struktur permukaan dan transformasi dalam Teori Standard Chomsky (1965) yang ditambah dengan kerangka X' Chomsky (1972) dan Haegeman (1991), dan teori tikas (trace) oleh Chomsky (1975) serta teori kategori kosong oleh Chomsky (1981). Pemerian memusatkan pada struktur luar. Tesis ini diorganisasikan dalam tujuh bab. Bab pertama dan kedua ialah pengenalan dan kerangka teoritis. Bab tiga, empat, lima dan enam ialah analisis struktur. Bab tujuh ialah penutup.

Antara dapatan yang signifikan ialah kehilangan subjek ayat selepas penterjemahan ayat-ayat kehadiran serta dalam terjemahan ayat-ayat pasif orang pertama dan kedua, klitik menggantikan frasa nama pelaku. Ayat pasif dapat diterjemahkan menjadi ayat aktif dan juga sebaliknya. Ayat nafi juga dapat diterjemahkan menjadi ayat bukan nafi. Kenafian frasa adjektif berubah menjadi kenafian frasa kata kerja dalam bahasa Malaysia. Ayat yang mempunyai kata hubung berubah bentuk menjadi ayat yang tidak mempunyai kata hubung langsung.

Pada keseluruhannya tesis ini mendapati bahawa terdapat corak perubahan struktur yang mantap bagi jenis ayat kehadiran dan ayat pasif serta pada sesetengah ayat nafi dan ayat yang mengandungi kata hubung. Diharap tesis ini dapat menyumbang kepada pengembangan ilmu secara am dan penterjemahan secara khususnya.

# **THE STRUCTURES OF ENGLISH AND MALAY SENTENCES:**

## **A COMPARATIVE STUDY AND ITS IMPLICATION IN TRANSLATION**

### **ABSTRACT**

The title of this thesis is "The Structures of English and Malay Sentences: A Comparative Study and Its Implication in Translation."

This is a comparative analysis of four types of English sentence structures translated into Malay and the implications for translation. These structures are

- (1) Existential sentences and sentences with an expletive 'it'
- (2) Passive sentences
- (3) Sentences with connectives
- (4) Sentences with negations

The objective is to identify changes for all sentence structures that have gone through the process of translation. The data used for analysis is limited to sentences from these three English books and their translated versions. The three English books used are as titled:

- (1) Dialectology (Chambers and Trudgill, 1980)
- (2) Psycholinguistics (Steinburg, 1982)
- (3) Semantics (Palmer 1989)

This is a strictly a structural comparison and in depth semantic equivalence is not taken into account. For each type of sentence, an English sentence and its tree diagram with its version in Malay is given to show the structural differences before and after translation.

The theoretical structure used is surface structure and transformation component in Chomsky's Standard Theory (1965) with Chomsky's X' Theory (1972) and Haegeman (1991) and trace theory by Chomsky (1975) as well as empty category theory by Chomsky (1981). This analysis deals only with surface structures. This thesis is organised into seven chapters. Chapter one and two contains the introduction and theoretical structure. Chapter three, four, five and six are structure analyses. Chapter seven is the concluding chapter.

Among the significant findings are the deletion of sentence subjects after translation of existential sentences and in the translation of passive sentences of the first person and the second person, clitics replace the agent of the action. Passives can be translated as active sentences and vice versa. Negative sentences are translated into non-negative sentences. The negation of adjectives when translated becomes the negation of verbs in Malay. Conjoined sentences are translated into non-conjoined sentences.



This thesis confirms that there are fixed structural change patterns for existential sentences and passive sentences as well as for certain subcategories of sentences with negations and sentences containing connectives.

It is hoped that this thesis contributes to the knowledge of language as a whole in particular to the field of translation.

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris ialah dua bahasa yang berasal daripada dua keluarga bahasa yang berlainan. Bahasa Malaysia tergolong dalam keluarga bahasa Austronesia manakala bahasa Inggeris tergolong dalam keluarga bahasa Indo-Eropah, Mees (1967).

Oleh sebab kedua-dua bahasa tersebut berasal daripada dua keluarga bahasa yang berlainan, terdapatlah beberapa perbezaan khususnya, dari segi fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Oleh kerana wujud perbezaan morfologi, sintaksis dan semantik pada kedua-dua bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia, usaha penterjemahan daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Malaysia atau sebaliknya, mempunyai beberapa masalah. Antara masalahnya termasuklah padanan kata, frasa, klausa dan ayat. Dalam padanan kata, penterjemah dapat dibantu oleh kamus am dan kamus istilah, akan tetapi dalam frasa, klausa dan ayat seringkali penterjemah perlu bergantung kepada pengalamannya dalam bidang tersebut serta budi bicaranya. Akibatnya, wujudlah berbagai-bagai masalah terjemahan. Masalah-masalah itu antara lain termasuklah terhasilnya terjemahan kurang, terjemahan melampau, terjemahan taksa, dan ada juga salah terjemah. Mengikut Nida (1964) terjemahan kurang ialah terjemahan yang mempunyai maklumat yang kurang daripada maklumat

dalam teks sumber, terjemahan melampau pula ialah terjemahan yang mempunyai maklumat yang lebih daripada maklumat dalam teks sumber, terjemahan taksa ialah terjemahan yang mempunyai sekurang-kurangnya dua maklumat yang tidak dapat dikenalpasti ketepatannya; dan salah terjemah ialah terjemahan yang mempunyai maklumat yang terpesong daripada maklumat teks asal.

Oleh sebab pemilihan struktur sintaksis dalam penterjemahan sangat penting, lahirlah keperluan penganalisan sintaksis bahasa sasaran (bahasa Malaysia) dan bahasa sumber (bahasa Inggeris) dalam penterjemahan dalam pemilihan sintaksis yang mencerminkan konsep yang lebih ikhlas bagi konsep asal.

## **1.1 TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan menganalisis struktur ayat asal bahasa Inggeris dan ayat terjemahannya, khususnya ia meneliti perubahan struktur pada ayat bahasa Malaysia yang merupakan ayat terjemahan daripada ayat asal bahasa Inggeris. Hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan menterjemah kepada golongan yang menceburi bidang penterjemahan terutamanya tentang perubahan struktur daripada ayat bahasa Inggeris kepada ayat bahasa Malaysia.

Dalam tesis ini perkataan struktur merujuk hanya kepada susunan unsur-unsur tatabahasa dalam suatu ayat, Stockwell (1973). Susunan unsur-unsur ini boleh berlaku pada tahap frasa, misalnya dalam frasa adjektif bahasa Inggeris, kata adjektif diikuti oleh kata nama seperti dalam big house, tetapi dalam bahasa Malaysia kata adjektif mengikuti kata nama seperti dalam rumah besar.

Dalam tesis ini perubahan struktur merujuk kepada perbezaan struktur pada ayat bahasa Malaysia yang merupakan terjemahan ayat bahasa Inggeris. Akan diperlihatkan juga bahawa ada beberapa struktur ayat bahasa Inggeris yang tidak sama dengan struktur ayat bahasa Malaysia sebagai ayat bahasa sasaran; iaitu apabila struktur ayat bahasa sumber (bahasa Inggeris) dibandingkan dengan struktur ayat bahasa sasaran (bahasa Malaysia). Terdapat juga beberapa perubahan struktur ayat bahasa Inggeris yang strukturnya agak sama dengan struktur bahasa sasaran, iaitu dapat dikatakan, tiada perubahan struktur antara struktur ayat bahasa Inggeris dengan struktur ayat bahasa Malaysia.

## 1.2 BIDANG KAJIAN

Kajian ini tertumpu pada perbandingan struktur permukaan ayat-ayat bahasa Inggeris sebagai bahasa sumber dengan struktur permukaan ayat bahasa Malaysia sebagai bahasa sasaran. Kajian ini hanya tertumpu kepada empat

jenis ayat, iaitu ayat kehadiran dan berexplitif 'it' ayat pasif, ayat berkata  
hubung dan ayat nafi:

Yang berikut ialah penjelasan tentang ayat-ayat tersebut:

### (1.1) Ayat Kehadiran

Ayat kehadiran merujuk kepada kumpulan ayat yang mengandungi kata there sebagai frasa nama subjek atau it sebagai eksplitif. Kedua-dua there dan it tidak mempunyai rujukan kepada sesuatu objek atau berfungsi sebagai ganti nama. Berikut ialah contoh ayat dengan there dan eskplitif 'it' sebagai frasa nama subjek:

- (a) (i) bahasa sumber - There is a cat in the room.  
(ii) bahasa sasaran - Ada seekor kucing di dalam bilik itu.
- (b) (i) bahasa sumber - It is raining.  
(ii) bahasa sasaran - Sedang hujan.

### (1.2) Ayat Pasif

Kamus A Dictionary of Linguistics and Phonetics (1992) menakrifkan ayat pasif sebagai ayat yang mengandungi objek pada bahagian awal ayat diikuti kata kerja transitif dan subjek mungkin wujud pada akhir ayat. Ayat pasif yang dikaji ialah:

(a) - struktur pasif diri pertama bentuk tunggal.

(i) bahasa sumber - The aeroplane was flown by me.

(ii) bahasa sasaran - Kapal terbang itu kupandu.

(b) - struktur pasif diri pertama bentuk jamak

(i) bahasa sumber - That house can be seen from here by us.

(ii) bahasa sasaran - Rumah itu boleh kita lihat.

(c) - struktur pasif diri kedua bentuk mufrad

(i) bahasa sumber - The door was closed by you.

(ii) bahasa sasaran - Pintu itu  $\left\{ \begin{array}{l} \text{anda} \\ \text{kau} \\ \text{engkau} \end{array} \right\}$  tutup.

(d) - struktur pasif diri kedua bentuk jamak

(i) bahasa sumber - The cards were printed by you.

(ii) bahasa sasaran - Kad-kad itu  $\left\{ \begin{array}{l} \text{kamu} \\ \text{kau} \\ \text{engkau} \end{array} \right\}$  cetak.

(e) - struktur pasif diri ketiga bentuk mufrad

(i) bahasa sumber - The research was done by George.

(ii) bahasa sasaran - Kajian itu dibuat oleh George.  
Kajian itu dibuat George.

(f) - struktur pasif diri ketiga bentuk jamak

(i) bahasa sumber - The job was done by them.

(ii) bahasa sasaran - Kerja itu dibuat oleh mereka.  
Kerja itu dibuat mereka.

(g) - struktur pasif tak persona.

(i) bahasa sumber - The stroke was killed by Abu.

(ii) bahasa sasaran - Ular itu dibunuh oleh Abu.  
Ular itu dibunuh Abu.

(1.3) Ayat yang mengandung Kata Hubung.

Menurut Wren dan Martin (1959) ayat-ayat yang mengandung kata hubung dapat dibagi kepada empat jenis iaitu kumulatif, adversatif, tokokan dan syarat seperti dalam contoh-contoh berikut:

(a) - Kumulatif

(i) bahasa sumber - He is a soldier and a thief.

(ii) bahasa sasaran - Dia seorang askar dan pencuri.

(b) - Adversatif

(i) bahasa sumber - The design is nice but expensive.

(ii) bahasa sasaran - Corak itu cantik tetapi mahal.

(c) - Tokokan

(i) bahasa sumber - Either it is English or it is not.

(ii) bahasa sasaran - Sama ada ia bahasa Inggeris atau ia bukan bahasa Inggeris.

(d) - Syarat

(i) bahasa sumber - It is cheap therefore you should buy it.

(ii) bahasa sasaran - Ia murah oleh itu anda patut membelinya.

#### (1.4) Ayat Nafi

Wren dan Martin (1986) mencatatkan ayat nafi sebagai ayat yang mengandungi kata nafi seperti not dan no. Ayat nafi yang dikaji di sini ialah ayat nafi simpleks, ayat dwi-nafi dan ayat tri-nafi seperti contoh-contoh berikut:

##### (a) - Ayat Nafi Simpleks

(i) bahasa sumber - She is not a fool.

(ii) bahasa sasaran - Dia bukannya bodoh.

##### (b) - Ayat Dwi-Nafi

(i) bahasa sumber - If this is not followed than the committee has no control.

(ii) bahasa sasaran - Kalau ini tidak dipatuhi maka jawatankuasa ini tidak mempunyai kuasa

##### (c) - Ayat Tri-Nafi

(i) bahasa sumber - There is no right answer to be aimed at, and no particular reason why we should not used four variants.

(ii) bahasa sasaran - Tidak ada jawapan betul yang dijadikan sasaran dan tidak ada sebab tertentu mengapa kita tidak menggunakan empat kelainan.



### 1.3 BATASAN KAJIAN

Terdapat dua batasan kajian dalam tesis ini. Yang pertama ialah jenis ayat manakala yang kedua ialah jenis teks.

Tentang batasan pertama, iaitu jenis-jenis ayat, yang dijadikan sumber data ialah ayat simpleks dan ayat kompleks. Wren dan Martin (1986) menyatakan bahawa suatu ayat simpleks mempunyai hanya satu subjek dan satu predikat. Ayat kompleks pula mengandungi satu klausa utama dan satu klausa subordinat atau beberapa klausa subordinat, (Wren and Martin, 1986). Ayat kompleks merangkumi ayat setara, ayat keterangan dan ayat penghubung. Oleh sebab bidang jenis ayat-ayat ini terlalu luas untuk tujuan keperincian analisis, kajian ini hanya menghadkan kepada analisis ayat simpleks yang sama. Akan tetapi pada tempat-tempat yang lain ayat kompleks akan juga dikaji, misalnya dalam kes ayat-ayat yang mempunyai kata hubung. Ayat simpleks dipilih untuk dikaji kerana kesemua ayat kompleks dapat dikeratkan kepada dua atau beberapa ayat simpleks. Jadi kajian dari segi ayat simpleks dianggap akan dapat diterapkan pada ayat kompleks untuk melihat sama ada berlakunya perubahan struktur akibat penterjemahan. Walaupun demikian ayat kompleks juga dianalisis dalam kes-kes ayat yang mempunyai kata hubung dan ayat-ayat dwi-nafi serta tri-nafi, kerana struktur ayat-ayat ini pada dasarnya jenis kompleks.

Tentang batasan kedua, data yang dianalisis dalam kajian ini terbatas kepada data yang diperolehi daripada tiga buah buku linguistik dan versi terjemahan buku-buku tersebut. Buku-buku linguistik yang digunakan ialah Dialectology, Chambers dan Trudgill (1980), Psycholinguistics, Steinberg (1982), dan Semantics, Palmer (1981). Teks terjemahannya ialah Dialektologi, Chambers dan Trudgill (1990), Psikolinguistik, Steinberg (1990) dan Semantik, Palmer (1989). Akan tetapi, bagi struktur-struktur yang dianggap banyak menimbulkan masalah semasa penterjemahan yang tidak dapat dirangkumi dalam data daripada ketiga-tiga buah buku ini, data yang sesuai dari luar yang ada dalam pengetahuan penyelidik akan digunakan. Ini berdasarkan alasan bahawa struktur yang menimbulkan masalah juga patut dibincangkan walaupun berhadapan dengan kesempitan data yang ada supaya para penterjemah menyedari masalah yang biasa dihadapi.

Tentang jenis teks, kajian ini terbatas pada teks sumber jenis linguistik yang lebih berasaskan informasi. Secara umum teks jenis ini dapat diklasifikasi sebagai teks sastra. Penterjemahan teks sastra berlainan daripada penterjemahan teks kesusasteraan kerana teks sastra lebih mementingkan struktur, istilah dan maklumat manakala teks kesusasteraan mementingkan 'mood' (Picken, 1983). Oleh kerana kajian ini ialah satu kajian struktur, dan kajian ini terbatas kepada penterjemahan teks sastra sahaja, teks sastra dipilih supaya kajian ditumpukan kepada struktur ayat dan bukan makna


kerana makna yang ada dalam teks ini memang tiada bermasalah atau ketaksamaan dan tidak perlu dipersoalkan lagi. Sebaliknya teks kesusasteraan tidak begitu sesuai kerana dalam teks kesusasteraan maknanya dapat dipersoalkan dan ini mungkin menjejaskan kajian ini kerana struktur ayat juga dipengaruhi oleh pelbagai makna yang ada. Teks sains pula tidak sesuai digunakan kerana kajian teks terjemahan ini memerlukan pengetahuan sains bidang yang berkenaan.

#### 1.4 KERANGKA ANALISIS

Model teori yang digunakan untuk membandingkan ayat-ayat bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris ialah model Tatabahasa Transformasi Generatif yang dikenali sebagai Teori Standard, Chomsky (1965) khususnya struktur permukaan dan transformasi serta ditambah oleh teori X-berpalang, teori tikas dan kategori kosong daripada teori kuasaan dan tambatan, Chomsky (1981).

Model Tatabahasa Transformasi generatif jenis Teori Standard, Chomsky (1965) seperti dalam (1.5) didapati sesuai bagi keperluan perbandingan struktur, iaitu struktur permukaan dalam kajian ini, kerana model ini menempatkan setiap unsur dalam turutan yang jelas melalui persembahan gambarajah pohon. Setiap perubahan kedudukan unsur dapat diteliti secara jelas. Walau bagaimanapun, rajah pohon bagi struktur luar akan dipaparkan dengan menggunakan kaedah X - bar (X'), Chomsky (1970) dan kemudiannya diperhalusi dan digunakan dalam Haegeman (1991).

(1.5) Model Teori Standard, Chomsky (1965)




Gambarajah 1.1

Model dalam 1.5 memperlihatkan hubungan antara komponen-komponen. Kesemuanya dipaparkan untuk menunjukkan kedudukan setiap komponen dibandingkan dengan komponen lain. Tesis ini tidak merujuk kepada struktur dalam ayat sebaliknya tesis ini hanya menumpukan kepada struktur permukaan sahaja; iaitu output struktur setelah berlaku transformasi .

Misalnya dalam ayat (1.6), kedudukan semua unsur dapat dipaparkan dalam (1.6') dan yang dikaji dalam tesis ini ialah struktur permukaan sahaja.


(1.6) I read the book yesterday.  
 'Saya baca buku itu kelmarin.'



Kedudukan unsur menurut turutan ialah I(N) + read (K) + the (Pen) + book (N). Ayat (1.6) dapat diterjemahkan menjadi ayat (1.7) yang diwakili (1.7') .

(1.7) Saya baca buku itu kelmarin.

(1.7')



'Saya baca buku itu kelmarin'.

Kedudukan unsur menurut turutan ialah saya (N') + baca (K) + buku (N') + itu (Pen).

Perubahan kedudukan unsur dapat diteliti dengan jelas, iaitu apabila kedua-dua turutan unsur dipaparkan bersama dalam (1.8).

(1.8)

	RSF
struktur asal	I (N') + read (K) + the (pen) + book (N')
struktur terjemahan	Saya (N') + baca (K') + buku (N) itu (Pen)

Maka dapat dilihat secara jelas urutan itu berubah pada bahagian the book dan buku itu. Dalam bahasa Inggeris kata penunjuk wujud sebelum kata nama tetapi dalam bahasa Malaysia, yang berlaku ialah perkara yang sebaliknya, iaitu kata nama wujud sebelum penunjuk.

Oleh sebab perubahan kedudukan unsur dapat diteliti dengan begitu jelas sekali melalui struktur rajah pohon ini, model ini dipilih untuk digunakan sebagai landasan untuk meneliti perubahan kedudukan unsur dalam ayat dalam kajian ini.

## 1.5 KAEDAH KAJIAN

Kajian ini bergantung kepada analisis data yang diperolehi daripada tiga buah buku serta versi terjemahan buku-buku tersebut seperti dalam 1.3.

Kesemua teks sumber tersebut dibaca, ayat-ayat yang berkaitan dikutip daripada teks sumber dan teks sasaran. Kedua-dua ayat dalam bahasa sasaran dan bahasa sumber dibandingkan, kemudian perubahan struktur yang berlaku dicatatkan.


Tahap perubahan struktur tersebut ditinjau melalui (a) rajah pohon mengikut pemaparan X - bar (X') dan (b) braket berlabel, iaitu [<sub>N</sub>] 'frasa nama', [<sub>K</sub>] 'frasa kerja', [<sub>A</sub>] 'frasa adjektif' dan sebagainya. Misalnya dalam ayat (1.9a) dan terjemahannya (1.9b) dikutip dan dikaji. Selepas itu analisis kedua-dua struktur ayat dipaparkan ke dalam (1.9a') dan (1.9b'). Setiap perubahan struktur akan ditinjau dan dikaji daripada pemaparan gambarajah pohon yang ada.

(1.9)(a) The man wore a yellow shirt.

'Itu orang pakai satu kuning kemeja.'


(b) 'Orang itu memakai sehelai kemeja kuning.'

(1.9a')





(1.9b')



'orang itu memakai sehelai kemeja kuning.'

Perubahan struktur dapat ditinjau apabila kedua-dua struktur dibandingkan. Dapat dilihat perubahan struktur pada bahagian the man yang menjadi orang itu dan yellow shirt menjadi kemeja kuning.

Perlu juga dinyatakan di sini, bagi tujuan lukisan rajah pohon yang lebih kemas, bahagian rajah pohon atau konstituen yang tidak penting dalam perbincangan akan dipermudahkan dengan cara menggunakan rajah tiga segi (  $\triangle$  ) sahaja. Setiap perubahan akan dicatatkan dan dikaji mengikut jenis ayat.

## 1.6 ORGANISASI KAJIAN

Tesis ini terdiri daripada 7 bab.

Bab satu menyatakan latar belakang kajian, tujuan kajian, bidang kajian, batasan kajian, kerangka analisis dan kaedah kajian.

Bab 2 ialah pernyataan teoritis yang menjadi panduan analisis tesis ini. Bab ini merangkumi definisi terjemahan, jenis-jenis terjemahan dan konsep terjemahan.

Bab 3 pula membincangkan kepadanan perubahan struktur ayat kehadiran dalam bahasa Inggeris.

Bab 4 membincangkan kepadanan struktur ayat pasif orang pertama, orang kedua dan orang ketiga.

Bab 5 membincangkan kepadanan struktur permukaan ayat penghubung, iaitu ayat yang mengandungi kata hubung and, but, however dan lain-lain.

Bab 6 membincangkan kepadanan struktur ayat satu nafi dwi-nafi dan tri-nafi.

Bab penutup dan juga dikenali sebagai Bab 7 mengemukakan dapatan-dapatan tesis ini secara keseluruhan.

## **BAB 2**

### **LATAR BELAKANG TEORI PENTERJEMAHAN**

#### **PENGENALAN**

Bab ini membincangkan definisi penterjemahan, jenis-jenis terjemahan dan juga teori sintaksis yang digunakan.

#### **DEFINISI 'PENTERJEMAHAN'**

Terdapat beberapa definisi yang pernah diberi oleh ahli-ahli bahasa, penterjemah dan juga penulis kamus. Beberapa definisi yang dikemukakan oleh tiga kumpulan pakar ini akan dilihat dan suatu perbandingan antara definisi-definisi ini akan dibuat. Daripada situ dasar-dasar teori tesis ini dapat ditetapkan.

Definisi penterjemahan dalam beberapa kamus am tercatat sebagai, "...menyatakan (sesuatu yang diucapkan atau terutamanya bertulis) dalam bahasa yang lain atau dalam perkataan yang lebih mudah ..." (Oxford Advanced Learner's Dictionary, 1 1989)<sup>1</sup>, " .... memindahkan suatu bahasa ke dalam bahasa yang lain ...." (Kamus Inggeris Melayu 2

Dewan, (1992) ; <sup>2</sup> " .... menukar daripada suatu bahasa ke dalam bahasa yang lain ..." (The Little Oxford Dictionary of Current English, 1969) ; <sup>3</sup> ..... memindahkan atau menukarkan daripada suatu tempat, keadaan, bentuk atau rupa kepada tempat, keadaan, bentuk atau rupa yang lain ..." (Webster's New 4 Collegiate Dictionary, 1973). <sup>4</sup>

Kesamaan faktor dalam keempat-empat definisi kamus am di atas merangkumi faktor pemindahan daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Definisi kamus Oxford Advanced Learner's Dictionary (1989), dan kamus Webster's New Collegiate Dictionary (1973) merangkumi faktor bentuk teks sumber, iaitu teks sumber boleh wujud dalam bentuk ucapan atau bertulis. Definisi kamus Oxford Advanced Learners Dictionary (1989) juga merangkumi faktor makna dan seterusnya memberi implikasi faktor pembaca teks terjemahan, iaitu makna dapat dipermudahkan. Hal seperti ini dapat membawa implikasi faktor pembaca teks terjemahan kerana makna yang dipermudahkan mestilah disusun mengikut tahap kepakaran dan kesesuaian pembaca teks terjemahan. Walaupun beberapa faktor telah dikemukakan, faktor yang penting seperti mengekalkan mesej atau makna asal tidak disebut. Jadi, dapat dikatakan bahawa definisi kamus am didapati terlalu umum.

Definisi penterjemahan suatu kamus khas dalam bidang linguistik tercatat sebagai, "....memindahkan ungkapan-ungkapan suatu bahasa ('bahasa sasaran') supaya maknanya dikekalkan ...." (An Encyclopedic

Dictionary of Language and Languages, (1992).<sup>5</sup> Kamus International Encyclopedia of Linguistics, (1992) pula membahagikan penterjemahan kepada dua jenis yang khusus, iaitu "penterjemahan serentak"<sup>6</sup> dan penterjemahan "baca pandang."<sup>7</sup> "Penterjemahan serentak" didefinisikan sebagai, "... memindahkan suatu mesej ucapan daripada suatu bahasa kepada suatu bahasa yang lain .... "<sup>8</sup> Penterjemahan "baca pandang" pula didefinisikan sebagai, " .... pemindahan suatu mesej bertulis dalam bentuk ucapan daripada suatu bahasa kepada suatu bahasa yang lain .... "<sup>9</sup>

Dalam kamus khas pula kelihatan definisi-definisi menekankan kepada pengekalan faktor mesej asal jika dibandingkan dengan definisi-definisi dalam kamus am. Definisi kamus khas melibatkan faktor makna selain faktor bahasa sumber, bahasa sasaran, pembaca teks terjemahan dan bentuk teks.

Daripada definisi kamus, kita akan beralih kepada definisi para sarjana dalam bidang penterjemahan dan juga ahli linguistik. Forster (1958:1) mendefinisikannya sebagai pemindahan isi-isi sesuatu teks daripada satu bahasa ke dalam bahasa yang lain, dengan mengambil kira fakta bahawa kita tidak selalu dapat memisahkan isi daripada bentuknya".<sup>10</sup> Ternyata definisinya menekankan kepentingan gaya dan struktur penulisan setaraf dengan kepentingan isi kandungan.

Pada Rabin (1958:123) pula, "Terjemahan ialah suatu proses, sesuatu ucapan secara lisan atau bertulis berlaku dalam sesuatu bahasa yang bertujuan dan dianggap memberi makna yang sama dalam perkara yang telah diucapkan dalam bahasa lain".<sup>11</sup> Rabin juga mementingkan makna dan mood mesej, iaitu sama ada mesej itu jenis lisan atau bertulis. Ainon (1985:16) pula mendefinisi terjemahan sebagai suatu proses "... menyalin semula maklumat yang terkandung dalam teks sumber ke dalam bahasa penerima." Ternyata dalam definisinya, Ainon mementingkan mesej yang terkandung dalam teks sumber. Ainon tidak menyebut tentang struktur ataupun bentuk mesej asal.

Dalam Brislin (1976:1), dicatat bahawa "Penterjemahan merupakan istilah am yang merujuk kepada pemindahan pemikiran dan idea daripada satu bahasa (sumber) kepada satu bahasa yang lain (sasaran)".<sup>12</sup> Brislin seterusnya menegaskan mesej yang diterjemahkan mungkin dalam bentuk lisan atau bertulis atau dalam bentuk bahasa isyarat. Ternyata definisi Brislin agak berbeza kerana definisi beliau juga merangkumi penterjemahan bentuk bahasa isyarat kepada bentuk lain, bentuk lain ke dalam bentuk bahasa isyarat ataupun bentuk bahasa isyarat ke dalam bentuk bahasa isyarat yang lain. Definisi Newmark (1988) pula membataskan penterjemahan kepada bentuk lisan atau bertulis, dan definisinya tidak seliberal Brislin yang menyatakan terjemahan juga melibatkan bahasa isyarat. Namun begitu Newmark kelihatan

sependapat dengan Brislin tentang istilah terjemahan. Terjemahan hanyalah satu istilah am, seperti yang dinyatakan olehnya (1988:13), "...secara am, penterjemahan ialah suatu istilah am yang meliputi sebarang cara pemindahan suatu mesej, lisan atau bertulis, daripada tulisan kepada ucapan, daripada ucapan kepada tulisan sesuatu mesej, daripada suatu bahasa kepada bahasa yang lain".<sup>13</sup>

Seterusnya, Winter Werner (1961:68) menyatakan, "....proses menterjemah ialah menggantikan pernyataan sesuatu interpretasi daripada sebahagian alam di sekitar kita dan dalam diri kita dengan suatu pernyataan yang sepadan mungkin ".<sup>14</sup> Definisi Werner ini merupakan sesuatu definisi yang agak bebas kerana ia tidak membezakan antara terjemahan dan interpretasi.

Nida dan Taber (1969:12) pula mendefinisikan terjemahan sebagai "...penghasilan semula dalam bahasa sasaran, padanan mesej yang terdekat dengan bahasa asal, pertamanya dari segi makna dan keduanya dari segi gaya".<sup>15</sup>

Dapat disimpulkan di sini bahawa ciri-ciri penting dalam definisi-definisi yang dikemukakan oleh para sarjana dalam bidang penterjemahan meliputi yang berikut:

- (2.1) (a) penterjemahan melibatkan pemindahan mesej dalam suatu bahasa sumber (bentuk lisan, bertulis atau isyarat) ke dalam bahasa sumber yang lain (bentuk lisan, bertulis atau isyarat), Brislin (1976:1),
- (b) mesej yang diterjemahkan mestilah mesej yang terdekat atau paling hampir, Nida dan Taber (1969:12)
- (c) mesej diberikan keutamaan, Ainon (1985:16)
- (d) jika boleh, gaya mestilah sama, Nida dan Taber (1969:12)

Daripada (2.1) di atas, definisi terjemahan yang akan digunakan dalam tesis ini adalah seperti dalam (2.2):

- (2.2) Penterjemahan ialah proses pemindahan mesej yang terdekat dan sempurna dari suatu bahasa sumber dalam bentuk bertulis ke dalam bahasa sasaran dalam bentuk bertulis dengan mengekalkan struktur asal, jika mungkin, tanpa menjejaskan pemahaman pembaca sasaran.

Definisi ini penting dalam kajian ini kerana salah satu ciri yang penting yang disebutkan ialah pengekalan struktur asal. Kajian ini akan ditumpukan kepada sekadar mana struktur asal dikekalkan. Seterusnya, definisi itu tidak memasukkan bahasa lisan dan isyarat kerana dianggap kedua-duanya termasuk dalam domain interpretasi.



Bahagian ini membincangkan jenis-jenis terjemahan. Pada amnya pendapat para sarjana tidak memperlihatkan keseragaman tentang istilah bagi jenis terjemahan.

Kadang-kadang istilah yang berlainan digunakan untuk jenis terjemahan yang sama; misalnya terjemahan kata demi kata oleh Catford (1965) sama dengan terjemahan literal yang diuraikan oleh Wilss (1982). Dryden (1684) di dalam Nida (1964) juga menyifatkan metafrasa sebagai satu penterjemahan perkataan demi perkataan dan baris demi baris. Definisi terjemahan metafrasa juga mirip terjemahan kata demi kata dan terjemahan literal.

Antara istilah jenis terjemahan yang biasa digunakan ialah terjemahan dinamik (Nida, 1964) atau terjemahan komunikatif (Newmark, 1981) dan terjemahan formal (Nida, 1964) atau terjemahan semantik (Newmark, 1981).

Terjemahan dinamik atau komunikatif mengutamakan mesej yang disampaikan kepada pembaca sasaran. Terjemahan formal atau semantik sebaliknya mengutamakan struktur ayat, gaya dan bentuk bahasa sumber.